

UMS tuan rumah persidangan Borneo Quality of Life 2019

VB 31.7.2019 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi tuan rumah kali kedua untuk persidangan *Borneo Quality of Life Conference* pada 28 Ogos sehingga 30 Ogos depan.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan UMS, persidangan itu akan dilaksanakan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan sokongan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) serta

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

Persidangan itu mensasarkan untuk mendapatkan lebih ramai peserta dari pelbagai latar belakang seperti penyelidik, pengamal, profesional, pelajar, pesara dan ramai lagi dari semua peringkat umur yang minat mengetahui penerokaan dalam kualiti kehidupan, kesihatan dan kegembiraan.

Ia selaras dengan misi

'the International Society for Quality-of-Life Studies' yang sudah wujud sejak 1995. Persidangan berkenaan mula diadakan pada tahun lepas.

Topik utama dalam persidangan itu akan disampaikan oleh speaker dijemput dari luar negara seperti Prof Daniel Shek dari Hong Kong. Persidangan ini juga akan menjemput penceramah seperti Pakar Psikiatri Kanan dan Penyelaras Kebangsaan MENTARI Dr Nurhayati Ali dan Pembantu Menteri Undang Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Jannie Lasimbang yang juga merupakan ahli pengasas PACOS Trust.

Pelbagai topik akan dibincangkan termasuklah kesihatan mental, kebudayaan, masyarakat dan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang <http://spu.ums.edu.my/bqol/> atau berhubung dengan Mdm Starrine (013-544 8823): starrine@ums.edu.my, Mdm Lidiawati (016-832 0204) lidiawati@ums.edu.my atau Matron Daisy Stanislas (013-871 2372) daisy_naturalist@yahoo.com. -Oleh YAP SIONG HAN